



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
Y A Y A S A N  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	18 JULY 2016

# KESAN POLITIK TUN M. TENGKU RAZALEIGH



**ZULKIFLEE BAKAR**

zulkifleebakar@gmail.com

**B**ekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Ahli Parlimen Gua Musang Tengku Razaleigh Hamzah adalah nama besar dalam persada politik tanah air. Mereka pernah bersama-sama dalam Kabinet termasuklah ketika Tun Hussein Onn menjadi Perdana Menteri pada 1978.

Perjalanan politik melibatkan kedua-dua tokoh ini amat menarik khususnya pertembungan sesama mereka. Pada 15 Julai lalu sekali lagi kedua-dua tokoh ini 'bertembung' tetapi dalam situasi berbeza.

Tengku Razaleigh yang mencecah umur 80 tahun mengumumkan akan bersara daripada politik dengan tidak bertanding dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) manakala Dr. Mahathir pula yang genap 91 tahun meneruskan perjuangannya yang belum selesai' untuk menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak apabila mengisytiharkan penubuhan sebuah parti baharu.

Dr. Mahathir juga menyatakan parti baharu tersebut akan bekerjasama dengan pakatan pembangkang yang terdiri daripada DAP, PKR dan Pas.

Malah parti tersebut juga akan bersedia bergabung dengan mana-mana pihak untuk mencapai matlamatnya iaitu menumbangkan kerajaan Barisan Nasional (BN) yang UMNO menjadi tonggaknya.

Ketika Dr. Mahathir terus mengatur strategi bagi mencapai impiannya menjatuhkan Najib dan BN - sebuah parti yang pernah dipimpinnya selama 22 tahun - Tengku Razaleigh pula menegaskan: "Saya kata tidak boleh tingkat langit, saya sudah lama sangat...sudah 45 tahun jadi wakil

rakyat".

Apa yang dikatakan oleh Tengku Razaleigh ia ada persamaannya dengan apa yang dilafazkan oleh Dr. Mahathir ketika mengumumkan untuk meletakkan jawatan Perdana Menteri dan Presiden UMNO dalam perhimpunan agung parti tu pada 2002. Kata-kata Dr. Mahathir yang paling popular ketika itu ialah "No.. no..i have decided...i have decided (tidak, tidak saya telah buat keputusan)...dah lama dah."

Sememangnya itulah 'pertembungan politik' yang sering berlaku antara Dr. Mahathir dan Tengku Razaleigh sejak 1978 lagi. Dua tokoh ini sering mewarnai arena politik negara sejak tahun tersebut seperti mana didedahkan oleh Presiden Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa), Datuk Ibrahim Ali dalam bukunya, *Perjuangan Tanpa Noktah*.

Pada 1981 apabila Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri, beliau tidak melantik Tengku Razaleigh sebagai timbalannya biarpun ketika itu Tengku Razaleigh yang paling layak, sebaliknya Dr. Mahathir secara senyap-senyap menyokong Tun Musa Hitam bertanding jawatan Timbalan Presiden.

Namun Tengku Razaleigh tetap berada dalam Kabinet yang dipimpin Dr. Mahathir dengan jawatan terakhir adalah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Beliau akhirnya meletakkan jawatan sebelum bergabung dengan Musa untuk menentang regu Dr. Mahathir dan Tun Ghafar Baba dalam pemilihan UMNO 1987.

Bahana daripada pertem-



**TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD**



**TENGKU RAZALEIGH HAMZAH**

bugan itu UMNO diharamkan dan Tengku Razaleigh menubuhkan Parti Melayu Semangat (S46). Bagaimanapun parti itu tidak bertahan lama apabila atas dasar demi perpaduan orang Melayu dan kekuatan UMNO, Tengku Razaleigh membubarkan parti berkenaan dan semua pemimpinnya kembali ke dalam UMNO. Sejarah bagaikan berulang apabila Dr. Mahathir mahu menubuhkan parti baharu.

Dr. Mahathir bersedia bekerjasama waima dengan DAP sekalipun asalkan misi untuk menjatuhkan Najib dan BN berjaya. Dalam soal ini penulis mengimbas kembali ucapan Dr. Mahathir ketika perhimpunan agung par- ti itu pada 1988 antara lain, beliau berkata; "Oleh kerana mereka gagal memaksa majoriti, mereka sanggup mengasingkan diri daripada majoriti dan memecah belahkan perpaduan Melayu.

Jika terjejas kedudukan dan kekuasaan Melayu sebabnya ialah kumpulan minoriti ini berdegil tidak mahu mengikut majoriti. Demikianlah degilnya mereka sehingga mereka sanggup bekerjasama dengan DAP untuk menghancurkan kedudukan dan kekuasaan Melayu melalui UMNO."

Bagaimanapun kini Dr. Mahathir bukan lagi musuh politik DAP, sebaliknya bakal menjadi sekutu yang paling ampuh biarpun dalam ucapan pada tahun yang sama, bekas Perdana Menteri tersebut pernah berkata: "Mereka (DAP) adalah musuh ketat kepimpinan Melayu dan UMNO. Mereka mendukung konsep 'Malaysian Malaysia' yang akan membelakangkan orang Melayu.

Dengan konsep ini mereka

Um-18/7/2016

**Perjalanan politik melibatkan kedua-dua tokoh ini amat menarik khususnya pertembungan sesama mereka. Pada 15 Julai lalu sekali lagi kedua-dua tokoh ini 'bertembung' tetapi dalam situasi berbeza.**

akan menguasai segala-galanya." namun tiada apa yang perlu dihairankan kerana itulah politik, tiada musuh dan kawan yang kekal.

Tetapi sebagai veteran politik, Dr. Mahathir pasti akan mengetahui siapakah yang lebih beruntung apabila orang Melayu berpecah lagi selepas terwujudnya sebuah parti baharu. Sebelum ini orang Melayu sudah pernah berpecah kerana S46 dan PKR. Kedua-dua parti itu bekerjasama dengan DAP, akhirnya DAP yang untung, S46 'berkubur' manakala PKR tidak sehebat mana.

Tengku Razaleigh sudah memahami kesannya apabila sebuah parti baharu ditubuhkan, sebab itulah beliau akhirnya membubarkan S46.

Tindakan itu dilakukan kerana Dr. Mahathir sendiri pernah mengingatkan bahawa, "...sekarang kerana perpecahan dalam kalangan orang Melayu, DAP Nampak peluang mereka untuk mencapai *dominance* sudah muncul. Dengan itu mereka begitu rajin bekerjasama dan memberi sokongan kepada kumpulan serpihan UMNO untuk melemahkan UMNO, kerajaan Barisan Nasional dan kedudukan orang Melayu."

Sekarang Dr. Mahathir sendiri akan membantu mencapai cita-cita DAP tersebut, maka bertepuk tanganlah DAP kerana mereka tidak perlu bersusah payah memikirkan bagaimana mahu menjatuhkan BN memandangkan 'segala-galanya sudah diuruskan'.